

# EkuiNAS ambil alih pegangan dalam Al-Ikhsan

**KUALA LUMPUR** - Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) memperoleh 35 peratus pegangan ekuiti dalam Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. pada harga RM68.6 juta.

Pelaburan dalam syarikat barangan sukan bumiputera terkemuka negara itu menandakan penglibatan sulung EkuiNAS dalam segmen peruncitan sukan, yang memperluaskan portfolio runcit syarikat menjangkau perniagaan makanan dan minuman (F&B) pada masa ini.

"Industri peruncitan sukan Malaysia dijangka berkembang pada kadar lapan peratus setahun dan bakal mencecah RM2 bilion pada 2020 di Malaysia sahaja, manakala di negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand, ia dijangka berkembang melebihi RM13 bilion dalam tempoh yang sama," kata EkuiNAS dalam satu kenyataan di sini semalam.

Selaras dengan mandat untuk mewujudkan syarikat peneraju pasaran, EkuiNAS menjelaskan, ia merancang untuk menyokong usahawan bumiputera yang berkebolehan untuk mengembangkan perniagaannya ke pasaran baharu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, serta pasaran serantau.

Termasuk pelaburan dalam sektor pembuatan di bawah Program Penyumberan Luar bernilai RM12 juta, EkuiNAS telah membuat pelaburan dalam 36 syarikat di bawah pelaburan langsung dan penyumberan luar sejak ditubuhkan pada 2009.

Melalui sokongan EkuiNAS, Al-Ikhsan juga merancang untuk menembusi pasaran Sabah dan Sarawak dengan cadangan untuk membuka enam cawangan di Kuching dan Kota Kinabalu menjelang 2018 dan rancangan serantau pada masa ini termasuk menembusi pasaran Indonesia dan Thailand dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. - Bernama